

MAKLUMBALAS KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)
LAPORAN AKHBAR SINAR HARIAN 9 JULAI 2014
“LURUSKAN BUKIT DEMI KESELAMATAN PENGGUNA”

Kementerian Kerja Raya (KKR) merujuk kepada laporan akhbar Sinar Harian bertajuk “Luruskan Bukit Demi Keselamatan Pengguna” yang disiarkan pada 9 Julai 2014. Hasil siasatan mendapati lokasi yang dinyatakan adalah di Jalan Persekutuan Industri FT1208. KKR sedia maklum keperluan bagi melebarkan jalan utama sedia ada di Sungai Buaya dari Bandar Sungai Buaya ke Kampung Koskan (FT1208). Kos bagi melebarkan jalan tersebut adalah dianggarkan sebanyak RM37.5 juta. Peruntukan bagi kerja-kerja melebarkan dan menaiktaraf jalan berkenaan telahpun dipohon untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Agensi Pusat.

Bagi tindakan jangka pendek, KKR telah memperuntukkan RM2 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penurapan dan memperelokkan semula jalan tersebut untuk menampung peningkatan aliran trafik selaras dengan pembukaan Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya pada 9 Januari 2014.

MOHD RIZAL HASHIM
KETUA PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN KERJA RAYA